


1st Malaysian International
Drawing Marathon



Editor

Safrizal Shahir
Izmer Ahmad &
Shahrul Anuar Shaari



KANDUNGAN | CONTENTS

Model dan Peragaan Alam Benda | Models and Still Life Displays

Para Pelukis | Participating Artists

ESEI

- 01 Kebijaksanaan dalam lukisan kes MIDM 2009
oleh Prof. Madya A. Azman Hj. Mohamed
- 05 Lukisan dan alam
oleh Prof. Madya Fauziah Omar
- 09 Menanda (Semula atau Mengulas) Tanda Lukisan: Tubuh, Akal dan Janji Kenadian
oleh Dr. Izmer
- 17 Lukisan: beberapa catatan idea, persepsi dan proses
oleh Shafrazi Shahriz
- 27 Lukisan-Lukisan Awal Melayu (1880-1894) oleh Frank Swettenham
oleh Samsudin Alidin
- 39 Arang Secu Catatan "Putih" dari yang "Gelap"
oleh Shamsul Azuar Shamsu
- 43 Kemunculan Lukisan Sebagai Ekspresi Seni Terendiri dalam Tradisi Catatan Pasir
Pada Abad ke-16 & 18
oleh Samsudin Alidin

ESSAYS

- 51 Wisdom in Drawing: The Case of MIDM 2009
by Assoc. Prof. A. Azman Hj. Mohamed
- 55 Drawing and Nature
by Prof. Madya Fauziah @i. Izmer Omar
- 59 (re)Marking the Mark of Drawing: Body, Mind and the Promise of Death
by Dr. Izmer
- 65 Drawing: Some notes on idea, perception and process.
by Shafrazi Shahriz
- 75 The Early Drawings of Malaya (1880-1894) by Frank Swettenham
by Samsudin Alidin
- 87 On Charcoal: An Enlightened Notes Born From Darkness
by Shamsul Azuar Shamsu
- 91 An The Emergence of Drawing as an Independent Expression in Persian Painting Tradition
During the 16th, 18th century
by Samsudin Alidin
- 98 DOKUMENTASI KARYA PELLUKIS YANG MENGAMBIL BAHAGIAN
DOCUMENTATION OF PARTICIPATING ARTISTS' WORKS
- 173 PERJALANAN ACARA | THE JOURNEY
- 174 Pendaftaran | Registration
- 175 Taklimat oleh Prof. Madya Fauziah Omar | Briefing by Assoc. Prof. Fauziah Omar
- 176 Lukisan Warisan Pulau Pinang | Penang Outdoar Heritage Drawing
- 192 Rehat sejenaka | Take a Rest

Lukisan-Lukisan Awal Malaya (1880-1894) oleh Frank Swettenham

Sarena Abdullah
Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia

Makalah ini membincangkan karya-karya lukisan dan cat air yang dihasilkan oleh Frank Swettenham sepanjang tempoh perkhidmatannya di Malaya. Frank Swettenham atau Sir Frank Athelstane Swettenham (1850-1946) merupakan mantan Residen, Residen Jeneral pertama Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS), Gabenor Negeri-negeri Selat dan terakhir sekali Pesuruhjaya Tinggi FMS. Berbekalkan kemahiran, kebijaksanaan, sikap keterbukaan serta keyakinan diri dengan disokong oleh kefasihan bertutur dalam Bahasa Melayu dan pengetahuan luas tentang adat-istiadat Melayu, beliau berjaya menjalin hubungan baik dengan Sultan-sultan Melayu yang akhirnya membawa kepada pembentukan FMS dan sekali gus mengubah dasar British terhadap Negeri-negeri Melayu selepas 1860-an.

Lukisan-lukisan dan catan-catan yang menggambarkan suasana awal negara Malaya bukanlah topik baru dari sudut pengkuratoran. Malah sudah ada beberapa katalog yang mengemuka serta mendokumen pemandangan-pemandangan awal Malaya sejak dari tahun 1660.¹ Namun begitu, perlu ditegaskan betapa dokumentasi dan pembacaan terhadap karya-karya awal tersebut masih terbatas dan tidak diselidiki lebih lanjut, khusus dalam konteks kesarjanaan pascakolonialisme. Selain buku *The Landscape Palimpsest*,² karangan Sophia McAlpin, apabila beliau mengulas catan-catan pemandangan Malaya awal abad ke-19 dari sudut kefahaman British terhadap wilayah ini melalui rakaman visual, satu kajian wajar dan kritikal ke atas lukisan-lukisan awal Frank Swettenham, misalnya, tidak disentuh langsung. Karya-karya lukisan dan cat air oleh Frank Swettenham dan George Giles di dalam koleksi Lim Chong Keat, sebagai contoh, pernah dipamer dan diterbitkan oleh Persatuan Malaysia-Britain pada 1988³. Namun analisa kritikal terhadap karya-karya tersebut dan bagaimana mereka mencerminkan pandangan atau perspektif British sebagai kuasa penjajah tidak diteroka dengan teliti. Justeru makalah ini cuba membincangkan pelbagai lataran dan lukisan pemandangan Malaya yang dihasilkan oleh Swettenham dan yang telah disiarkan di dalam katalog pameran tersebut dengan lebih kritikal, atau lebih tepat lagi, dari sorotan pascakolonialisme.

Ingin saya jelaskan di sini, khusus merujuk kepada kejatuhan empat negeri Melayu – Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang – ke pihak British menerusi pembentukan FMS pada 1896, walaupun keadaan penjajahan di Malaya berbeza daripada ci negara-negara lain tetapi ideologi kapitalisme kolonial seperti saranan Syed Hussein

¹ Lihat *Early Views of Penang and Malacca 1660-1880*, (Penang: Lembaga Muzium Pulau Pinang, 2002); dan Chong Keat Lim, *Penang Views 1770-1860* (Penang: Penang Museum, Summer Times Publishing, 1986).

² S. McAlpin, *The Landscape Palimpsest: Reading Early 19th Century British Representations of Malaya* (Melbourne: Monash Asia Institute, 1997).

³ Lim Chong Keat dan Henry Barlow, *Frank Swettenham and George Giles: Watercolour and Sketches* (Kuala Lumpur: The Malaysian-British Society, 1988).

Alatas⁴ boleh digunakan untuk memahami pendekatan sosiologi dan psikologi yang diamalkan oleh kuasa-kuasa penjajah di Malaya. Hal ini akan diselidiki terutama sekali dari segi sumber-sumber kesusasteraan yang secara halus merendah-rendah dan memburuk-burukkan masyarakat pribumi. Di samping itu, seperti yang akan saya bincangkan nanti, rakaman visual seperti karya-karya lakaran, lukisan dan cat air oleh Swettenham boleh juga ditilik sebagai elemen yang membibit ideologi kapitalisme kolonial seperti yang disusul oleh Alatas. Walaupun mustahil untuk mewujudkan satu set kapitalisme kolonial yang disempadani secara tegar, tetapi memadai dinyatakan di sini kuasa kapitalisme kolonial di rantau Asia Tenggara, seperti Malaysia, Indonesia dan Filipina, telah berakar umbi dengan mantap menjelang abad ke-18.⁵ Pada ketika itu, arus kapitalisme perdagangan Eropah sedang pesat membangun, menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai mangsa jalur pertama kemaraan kapitalisme dan sekali gus satu lagi penemuan geografi buat negara-negara Eropah. Hal ini mendorong penguasaan British ke atas wilayah-wilayah di Pulau Pinang pada 1786, Melaka (daripada Belanda) pada 1795, dan Singapura pada 1819. Ketiga-ketiga wilayah itu membentuk Negeri-negeri Selat dan diserap ke dalam Koloni Makhota pada 1867. Pedagang-pedagang British waktu itu begitu mengambil berat hal ehwal Negeri-negeri Melayu kerana mereka yakin campurtangan British dalam pentadbiran Negeri-negeri Melayu amat diperlukan demi menjaga kepentingan puak kapitalis British di rantau ini.

Frank Swettenham telah melaksanakan tugas penting berhubung dengan perkara ini kerana beliau merupakan pegawai British yang memainkan peranan utama di dalam, apa yang pihak British sifatkan sebagai proses "campurtangan" ke atas Negeri-negeri Melayu. Anak bongsu daripada enam orang anak pasangan James Oldham Swettenham dan Charlotte Elizabeth, Frank Swettenham menduduki peperiksaan pelatih pentadbir bagi Negeri-negeri Selat selepas 18 bulan menamatkan pengajian di St. Peter's School di York. Beliau kemudian belayar ke Singapura sekitar penghujung 1870 dan tiba pada bulan Januari, 1871. Sebaik sampai di sana, beliau berkhidmat dengan Sekretariat di Singapura dengan tugasannya pertama beliau ialah untuk membiasakan diri dengan kerja-kerja di pelbagai jabatan serta belajar Bahasa Melayu. Selepas 15 bulan sampai di Koloni beliau lulus cemerlang dalam peperiksaan Jurubahasa, sebahagian besarnya hasil tunjuk ajar guru beliau Mohd. Said b. Dada Mohyiddin, editor akhbar Bahasa Melayu yang pertama laitau Jawi Peranakan.⁶

Pada tahun 1874, dasar Kerajaan British terhadap hal ehwal Negeri-negeri Melayu berubah demi untuk mengekalkan kepentingan British khusus di Singapura dan Pulau Pinang. Ini kerana pada ketika itu Selangor dan Perak sedang dilanda kacau-bilau dan pergolakan disebabkan oleh perebutan takhta di kalangan raja dan pembesar Melayu, perbalahan mengenai lombong-lombong bijih timah di Larut di antara kongsi-kongsi China, yang dijangka merebak ke Pulau Pinang, di samping tercetusnya kes-kes pelanunan, kekacauan dan huru-hara di Selangor.⁷

Tugas awal Swettenham yang penting bermula selepas kejatuhan Perak ke dalam pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Naungan British yang diterajui oleh pejabat kolonial British di Singapura. Beliau membantu menyelaras sesi perundungan serta merangka dan menterjemah Perjanjian Pangkor daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu bersama dengan Munshi Mohd. Said pada bulan Januari 1874. Peruntukan paling mustahak yang digariskan di dalam Perjanjian itu ialah seorang pegawai British, yang dipanggil Residen, akan diserapkan ke istana Sultan dan nasihatnya "mestilah dipinta dan diikuti dalam

⁴ Saya menggunakan kerangka pemikiran Syed Hussein Alatas di dalam makalah ini. Lihat Syed Hussein Alatas, *The Myth of the Lazy Native: A Study of the Image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th Century and Its Function in the Ideology of Colonial Capitalism* (London: Cass, 1977).

⁵ Ibid., 2.

⁶ William R. Roff, *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), xi.

⁷ Ibid., xii.

semua perkara kecuali yang menyentuh hal ehwal Agama dan Adat-Istiadat Melayu.⁸ Selepas itu Swettenham dengan W. A. Pickering dan Kapten Dunlop berjaya pula menyelesaikan isu pertikaian kawasan lombong di Larut. Namun lambat-laun semakin nyata "nasihat" British sebenarnya membawa maksud penguasaan British.⁹ Apabila Residen Perak yang baru, Hugh Low, membantah surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Sir William Robinson yang mengingatkan Residen-residen bahawa mereka ditugaskan di Negeri-negeri Melayu sebagai penasihat dan bukan pemerintah, Hugh Low diberi jaminan oleh Gabenor untuk terus mentadbir seperti biasa tetapi tanggapan bahawa Residen adalah semata-mata penasihat hendaklah dikekalkan.¹⁰

Swettenham kemudian ditukar oleh Sir Andrew Clarke, Gabenor Negeri-negeri Selat, ke Langat di Selangor pada bulan Ogos 1874 kerana kegiatan lanun di pesisir pantai negeri itu dilihat mengancam kepentingan British di sana. Untuk kali kedua, kebolehan, diplomasi dan sikap terbuka beliau, di samping kemesraan beliau dengan orang-orang Melayu dan Sultan Abdul Samad, Sultan Selangor sewaktu itu, amat bermanfaat kepada British. Beliau menggunakan kemampuan sahsiah diri dengan begitu berkesan hingga dalam tempoh dua bulan Sultan mengutus surat kepada Clarke menyatakan Swettenham, "... seorang yang cerdik; dia juga amat mengetahui selok-belok adat-istiadat kerajaan Melayu dan pandai mengambil hati Raja-raja dengan kata-kata yang lembut, halus serta manis, sehingga semua orang memuji dia umpama wangian pada bunga yang mekar."¹¹ Lantaran itu Sultan Selangor bersetuju menerima "penasihat" British ke istananya.

Apabila Sir Frederick Weld dilantik sebagai Gabenor, beliau mengangkat Swettenham untuk mengisi kekosongan jawatan Residen di Selangor pada bulan September 1882. Dengan pelantikan ini, Swettenham berazam untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar moden dengan membina landasan keretapi pertama (dari Kuala Lumpur ke Kelang) sebagai asas kepada Jabatan Kerja Raya yang baik seperti dikehendaki dari pihak Residen. Kegigihan, kemahiran dan kebolehan beliau terserlah semula ketika menjadi Residen di Perak dua tahun kemudian.

Pada bulan April 1885, atas dorongan ketua-ketuanya di Singapura dan London, beliau mengunjungi Bendahara (Sultan) Pahang dengan niat mengeksplorasi perselisihan di antara Bendahara dengan saudaranya dan membawa Pahang masuk ke dalam kelompok Negeri-negeri Melayu Naungan British.¹² Menjelang 1890-an, empat unit asas gugusan Negeri-negeri Melayu Naungan British telah berjaya dibentuk dan terdiri daripada Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Padai ketika itu Swettenham dan lain-lain pegawai semakin sedar perlunya keseragaman pentadbiran dan perhubungan lebih rapat di kalangan keempat-empat negeri di mana setiap buah negeri mempunyai Residennya sendiri, memakai "nasihat-nasihat" British sebagai sistem legislatif, amalan pentadbiran dan belanjawan berasingan. Dan yang paling mustahak sekali, kekayaan ekonomi yang berbeza-beza dari hasil getah dan khususnya bijih timah perlu dieksplorasi demi menyempurnakan hasrat Britain mencapai Revolusi Industri.

Sekali lagi hubungan rapat Swettenham dengan Sultan-sultan Melayu dan pengaruh beliau ke atas mereka memainkan peranan utama menjayakan rancangan British untuk membentuk Persekutuan negeri-negeri Melayu. Beliau diutus oleh Gabenor mengadap setiap Sultan bagi menjelaskan isu-isu yang berkait dengan rancangan itu dan mendapatkan tandatangan mereka sebagai tanda mempersetujui penuh Persekutuan tersebut. Hasil tipu-helah dan pujuk-rayu Swettenham mengeksplorasi

⁸ Henry Barlow, "Biographical Notes on Frank Swettenham," dlm. *Frank Swettenham and George Giles: Watercolours and Sketches of Malaya 1880-1894* (Kuala Lumpur: The British-Malaysia Society, 1988), 11.

⁹ John G. Butcher, *The British in Malaya, 1880-1941: The Social History of a European Community in Colonial South-East Asia* (Kuala Lumpur dan New York: Oxford University Press, 1979), 7.

¹⁰ Ibid., 7-8.

¹¹ Roff, viii.

¹² Barlow, 13.


jarak yang jauh dan dasar cuti kerajaan menghalang pegawai-pegawai British daripada kerap pulang ke kampung halaman, masyarakat Eropah mencari cara-cara lain untuk menyegarkan diri dalam persekitaran yang dingin.

Menurut Butcher, Penang Hill (Bukit Bendera) merupakan tempat yang mula-mula digunakan sebagai rumah peranginan bukit sewaktu Syarikat Hindia Timur mentadbir Negeri-negeri Selat, disusuli dengan banglo pertama yang dibina pada 1884 untuk kegunaan Residen Perak. Dua buah lagi banglo – sebuah di Bukit Maxwell (Bukit Larut) dan sebuah lagi di kebun teh kerajaan – dibina berhampiran bagi penginapan pegawai-pegawai kerajaan Perak; dan pada tahun 1892 sebuah lagi banglo didirikan di Gunung Kledang berdekatan Ipoh.

Di sini dapat kita sarankan Swettenham semestinya terkesan sama dengan kepercayaan umum masyarakat Eropah ini, kerana terdapat beberapa lakaran yang dibuat daripada lokasi-lokasi yang bellau panggil "The Hermitage" dan "The Cottage." Ini dapat dilihat pada beberapa karya "Untitled" yang bellau catatkan sekadar "Untitled (View from 'The Cottage')" (sekitar 1884) (*Gamoar 1*)²³, "Untitled (Gunong Bubu – from 'The Hermitage' & 'G. Bubu-5450 ft. Hermitage-3200 ft.)" (sekitar 1884) (*Gambar 2*), "Untitled ('The Cottage' with Penang Island in the Distance)" (sekitar 1884), "A View from The Cottage, Perak" dan "A Small Stretch of the Perak River Looking Towards the Residency, Kuala Kangsar from The Hermitage on Gunong Arang Para, Bubu Range" (1884). Paparan gunung secara impressionis dalam karya "Untitled (View from 'The Cottage')" (sekitar 1884) (lihat gambar 1), yang kemungkinan besar dilukis daripada rumah rehat "The Cottage" di atas Bukit Caulfield di Taiping Hills (Bukit Larut) pada aras 4200 kaki, mengabdi pemandangan yang membangkitkan warna dan suasana di kala matahari terbenam.



Gambar 1: Frank Swettenham, Untitled ("View From the Cottage"), c. 1884.



Gambar 2: Frank Swettenham, "Untitled (Gunong Bubu-From the Hermitage & G. Bubu-5450 Ft, Hermitage 3200 Ft)" (c. 1884)

²³ Semua nombor gambar merujuk kepada nombor gambar yang tertera di dalam Lim Chong Keat dan Barlow, *Frank Swettenham and George Giles: Watercolour and Sketches*.

penonton. Susuk itu diukis ketika sedang bergerak ke arah rakan-rakannya di tepi perahu, seakan-akan beredar dan beransur-ansur lenyap daripada gambar pemandangan sungai itu. Karya cat air monokrom ini mungkin dihasilkan pada hari Ahad, 3 Mei 1885, semasa lawatan Swettenham ke Pahang bersama-sama George Giles dan Martin Lister.²⁷ Lain-lain karya Swettenham yang memuatkan figura-figura pribumi juga sering menggambarkan mereka sedang sibuk melakukan sesuatu aktiviti. Ini dapat dilihat pada lukisan "Untitled (On the Pahang River)" (1885) (Gambar 11), "Untitled (The Same but Different)" (1885), "Untitled (Boat On Pahang River)" (1885), dan "Untitled (River or Lake Scene, Pahang River)" (1885). Di dalam lukisan-lukisan pemandangan sungai ini, susuk-susuk pribumi cuma hadir sebagai panjaja-penjaja sampan, yang tidak dapat dicam, tanpa wajah dan kerdiil berbanding dengan keseluruhan landskap mukabumi atau sungai.

Menurut John G. Butcher, walaupun keadaan-keadaan sekitar serta dasar rasmi kerajaan menggalakkan hubungan rapat antara para pegawai British dengan rakyat yang mereka tadbir²⁸ seperti yang telah saya gariskan di bahagian awal makalah ini, tetapi hubungan Swettenham dengan orang-orang Melayu tidak sampai menyamai hubungan beliau dengan Sultan-sultan mereka. Butcher malah menegaskan satu aspek paling ketara berkenaan hubungan pegawai-pegawai British dengan orang-orang Melayu ialah rasa kagum mereka terhadap masyarakat Melayu yang dianggap berbudi-bahasa, bersopan-santun, pemalu, tetapi amat megah dan sentiasa bersiap-siaga mempertaham maruah dan kehormatan diri.²⁹ Swettenham sebaliknya menyifatkan orang Melayu sebagai berikut:

"Orang Melayu sejati adalah telaki pendek, bertubuh kental, tegap-sasa, berambut hitam lurus, berkult perang gelap, dengan hidung dan bibir tebal serta sepasang mata bersinar cerdik. Sikapnya secara umum baik, tingkahlakunya santun dan santai. Meski tidak terlalu merendahkan diri, dia pemalu dan merasa sangsi dengan orang asing, walaupun tidak ditunjukannya. Dia seorang yang berani dan boleh dipercayai dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan; tetapi dia pemboros, gemar berhutang, dan amat lambat melangsirnya."³⁰

"Yang terpenting sekali," ujar Swettenham, orang Melayu "agak konservatif, bangga diri dan mencintai negara dan bangsanya, menghormati adat-istiadat dan tradisi purbanya" serta 'takut akan Raja-rajanya'. Lagipun, orang-orang Melayu menjunjung tinggi kuasa berperlembagaan".³¹

Kurangnya rasa hormat beliau terhadap orang-orang Melayu, misalnya, dapat disaksikan melalui cara bagaimana imej-imej orang Melayu dipaparkan dalam karya-karya beliau. Seperti yang telah saya bincangkan sebelum ini, susuk-susuk orang Melayu kebanyakannya sama ada tidak ada, atau memainkan peranan kecil, dan rata-rata berwatak pasif. Sebagai subjek visual, orang-orang Melayu kelihatan kurang digemari oleh Swettenham sama ada dari sudut sumber kesenian mahupun subjek pendokumentan. Tenggapan dan pendekatan beliau berkenaan hubungan hubungan beliau dengan masyarakat pribumi tanah jajahan, sebagai contoh, dihuraikan dengan jelas di dalam bab bertajuk "*The Real Malay*" apabila beliau menulis,

"Untuk mula memahami orang Melayu, anda mesti tinggal di negaranya, bertutur dalam bahasanya, menghormati agama kepercayaannya, berminat dengan apa yang dia minati, melayan syak wasangkanya,



Gambar 6. Frank Swettenham, "Batu Berlin." (3 Mei 1885).

²⁷ Keat dan Barlow, *Frank Swettenham and George Giles: Watercolour and Sketches*, 120.

²⁸ Butcher, 52.


²⁹ Ibid.

³⁰ Frank Swettenham, *Stories and Sketches*, 16-17.

³¹ Butcher, 52-53.

*bersimpati dengannya dan menghulur bantuan bila dia ditimpa musibah, dan sama-sama merasai kegembiraannya dan barangkali menanggung risikonya. Hanya dengan cara begitu bolehlah anda berharap untuk dapat menawan keyakinannya*³²

Ulasan demikian tidak menunjukkan sikap berkecuali, kerana sebagai seorang pemerhati yang menyedari perubahan-perubahan besar yang melanda masyarakat Melayu, Swettenham menilik orang-orang Melayu menerusi sepasang mata pemimpin, sepasang mata penjajah. Pengetahuan beliau mengenai bangsa Melayu dan strategi-strategi "bersimpati" yang beliau gunakan akibatnya membolehkan beliau menipu helah Sultan-sultan Melayu secara halus, yang akhirnya apabila tersedar, mereka telah kehilangan kuasa kepada penjajah asing.



Gambar 7: Frank Swettenham,
"Tanjong Malim Ulu Bernam,"
(16 September 1884)

Berlainan daripada lukisan-lukisan beliau yang lain apabila imej-imej orang Melayu rata-rata tidak dimasukkan atau kelihatan tanpa sebarang identiti mahupun watak, "Tanjong Malim Ulu Bernam" (1884) (Gambar 7) adalah karya tunggal yang memaparkan gambaran jelas lelaki Melayu, dalam kes ini Penghulu Tanjung Malim bernama Haji Mustafa. Walaupun penghulu bukanlah jawatan tinggi di istana Sultan, tetapi ia merupakan satu pangkat yang dihormati di kalangan penduduk kampung. Satu-satunya peraparan lelaki Melayu, yang diwakili dalam lukisan ini oleh Penghulu Haji Mustafa, masih tertakluk kepada perspektif tenungan kolonial yang diamalkan Swettenham. Haji Mustafa, pemimpin Melayu, digambarkan sedang bertafakur serta bermenung hiba, merenung jauh dan berwatak pasif, tidak bermaya. Di dalam karya ini, Haji Mustafa dilukis dalam kedudukan terdedah kepada mara bahaya, seolah-olah tidak berdaya melindungi rakyatnya sendiri. Cara Swettenham melukis susuk Penghulu Haji Mustafa boleh dikatakan selari dengan persepsi beliau terhadap orang-orang Melayu secara keseluruhan. Di kalangan masyarakat Melayu, beliau hanya menjunjung tinggi Sultan Perak. Beliau menulis,

*"Orang Melayu yang paling berkebolehan pernah saya kenali ialah Almarhum Raja Idris, Sultan Perak. Dia pulang dari lawatan ke Mesir dan England ketika saya menjadi Residen British di Perak, dan saya pergi ke stesen untuk mengadap Duli Yang Teramat Mulia dan membawa dia pulang dengan kereta ke Rumah Residen, di mana kami berbual-bual. Selepas berita tentangnya keluar, saya tunjukkannya sebuah akhbar India yang saya baru terima dan saya bacakan kepadanya satu rencana utama berkenaan kerajaan negeri Baginda. Rencana itu mengatakan saya, selaku Residen British, mentadbir kerajaan dan menggunakan seluruh jentera kuasa, sementara Baginda Sultan dibiarkan berada di latar belakang. Bila saya terjemahkan rencana itu ke dalam Bahasa Melayu, Sultan Idris berkata, "Apa hal dengan penulis ini? Apa yang dia mahu? Memanglah anda lakukan tugas tersebut – itulah tujuan anda digajikan. Anda sering berunding dengan saya mengenai setiap perkara yang penting sebelum dilaksanakan dan bila selesai perbincangan, anda laksanakannya. Anda dilatih untuk membuat kerja itu. Saya tidak mampu melakukannya, kalau boleh tidak mahu menyusahkan diri"*³³

Pandangan yang merendah-rendahkan bangsa Melayu ini bermaksud untuk mewajarkan penjajahan British terhadap Malaya atas sebab kononnya tahap kemahiran orang-orang Melayu begitu rendah. Dari sudut kecekapan dan sifat intelektual, beliau cuma menghormati Sultan Perak; itu pun sebahagian besarnya kerana pihak Sultan menyenangi kedudukan Swettenham di istana. Di sini bolehlah dirumuskan bagaimana pegawai-pegawai British memandang diri mereka sebagai golongan raja.³⁴ Bagi para

³² Frank Swettenham, *Stories and Sketches* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), 16.

³³ Swettenham, *British Malaya*, xi.

³⁴ Butcher, 54.


pegawai British, terdapat beberapa persamaan di antara masyarakat Melayu yang hidup di hujung kurun ke-19 dengan masyarakat pra-industri di tanah air mereka. Oleh itu tidaklah memerlukan bila kita temui bukti yang menunjukkan sesetengah pegawai British cenderung menganggap diri mereka sebagai kelas bangsawan dan tuan tanah dan orang-orang Melayu sebagai penyewa dan penumpang tanah mereka.³⁵

Kurangnya minat positif beliau terhadap orang-orang Melayu sebagai bahan subjek lukisan memang mengejutkan. Bandingkan dengan karya Swettenham yang memaparkan diri beliau, Giles dan Lister yang dihasilkan ketika lawatan mereka ke Pahang pada 1885, bertajuk "The Start, Midday, and Climax Evening" (1885) (Gambar 8). Di dalam lukisan itu ketiga-tiga tokoh dilukis dengan begitu teliti lengkap dengan segala butiran yang menampilkan mereka sebagai tiga orang pentadbir British yang mengetuai ekspedisi tersebut. Penampilan dan perincian susur ketiga-tiga mereka dalam "Climax Evening" memang jelas menonjol, dan perwatakan mereka boleh dicari menerusi aneka topi dan alat kelengkapan serta objek-objek lain seperti paip rokok dan tongkat.


Satu lagi sorotan menarik ialah berhubung dengan tanggapan beliau ke atas Islam sebagai agama anutan orang-orang Melayu menerusi cara beliau 'mengintai' masjid seperti dalam lukisan "A Malay Mosque from a Malay Window, Ulu Bernam" (1884) (Gambar 9). Dengan melukis bahan subjek, yakni masjid, menerusi bukaan tingkap rumah Syed Abu Bakar di tebing sungai di Ulu Bernam, beliau merakam pemandangan masjid yang terletak di seberang sana berserta dengan pondok-pondok yang mungkin juga sebuah sekolah agama. Sepanjang beberapa kali berkunjung ke kawasan itu, Swettenham berjaya menjalin hubungan rapat dengan ramai tokoh tempatan, seperti tercatat di dalam pelbagai jurnal beliau. Namun lawatan beliau bukan bertujuan untuk bersiar-siar tetapi sebenarnya bagi membolehkan beliau berhubungan dengan orang-orang Melayu dan mempengaruhi serta memujuk mereka untuk menerima Pentadbiran British. Kalimah "Muhammadan" yang beliau gunakan sebagai merujuk kepada agama orang-orang Melayu adalah selari dengan "Mohammedan" yang dihuraikan oleh Edward Said sebagai istilah berkaitan (dan menghina) yang digunakan oleh masyarakat Eropah, yakni kallmah yang mengajuk peniruan akan agama sebenar oleh penganut-penganut Kristian.³⁶ Swettenham menulis,

"Orang Melayu telah memeluk agama 'Muhammadan' sejak pemerintahan Sultan Muhammad Shah di Melaka, yang mencapai tahap kemuncak pada tahun 1276, dan berjaya menjadikan kerajaannya ketigaterbesardi Kepulauan Nusantara—yang terbesar, Majapahit di Jawa, dan kedua terbesar, Pasai di Sumatera. Tidak mungkin orang Melayu pernah menjadi pentaksuh agama, itu bukan sikapnya; dan walaupun dia menganut agama 'Muhammadan' dan bersedia untuk mati demi agama yang kurang difahaminya itu, dia tidak pernah meninggalkan terus kepercayaan-kepercayaan tahuyl zaman silamnya"³⁷

Sebagai kesimpulan, kajian-kajian Butcher jelas sekali menunjukkan betapa orang-orang Eropah tidak menganggap Malaya sebagai "rumah kediaman" mereka. Kebanyakan kaum lelaki mereka memulakan kerjaya di Malaya ketika berusia awal dua puluhan, mereka berkahwin di Eropah, dan, sebahagian besarnya kerana percayakan kesan-kesan buruk iklim tropika ke atas orang-orang Eropah, mereka sering pulang bercuti ke kampung halaman. Mereka menghantar anak-anak ke Britain, dan menghabiskan detik-detik persaraan mereka di Britain. Semasa bertahun-tahun tinggal di Malaya, mereka seronok menghadiri kegiatan-kegiatan sosial di kalangan masyarakat British, membaca akhbar-akhbar British dan mengikuti sungguh-sungguh peristiwa-peristiwa yang berlaku



Gambar 8: Frank Swettenham, "The Start," "Mid-day," dan "Climax Evening" (17 April 1885)



Gambar 9: Frank Swettenham, "A Malay Mosque from a Malay Window, Ulu Bernam," (17 September 1884).

³⁵ Ibid.

³⁶ Edward W. Said, *Orientalism* (New York: Vintage Books, 1994), 66.

³⁷ Swettenham, *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, 144.

di Britain.³⁸ Begitu juga halnya dengan Swettenham sendiri. Meskipun berpengetahuan luas mengenai bangsa Melayu dan adat-istiadat mereka serta berhubungan rapat dengan pihak Sultan, namun daripada imej-imej yang disajikan oleh karya-karya beliau bolehlah dirumuskan Swettenham tidak pernah meletakkan dirinya sebagai kawar orang Melayu, seperti sangkaan umum.

Dari satu segi, saya harap makalah ini telah membincangkan dengan jelas kerangka ideologi kepada sesuatu yang tampak semata-mata "imajan dokumentari" yang mudah dan ringkas. Saya bersetuju dengan pendapat Syed Hussein Alatas yang menyatakan kita kini terdesak untuk membetulkan semula imej bangsa Melayu ciptaan pihak penjajah. Bukan hanya disebabkan imej-imej negatif ini masih digunakan dan mempengaruhi pandangan masyarakat bukan Melayu terhadap orang-orang Melayu, tetapi kerana persepsi negatif ke atas bangsa Melayu itu masih mempunyai pengaruh kuat di kalangan segelintir para bijakpandai Melayu sendiri dalam konteks Malaysia moden hari ini.

(Diterjemah oleh **Teratak Nuromar**)

Bibliografi

- Alatas, Syed Hussein. *The Myth of the Lazy Native: A Study of the Image of the Malays, Filipinos and Javanese from the 16th to the 20th Century and Its Function in the Ideology of Colonial Capitalism*, London: Cass, 1977.
- Barlow, Henry. "Biographical Notes on Frank Swettenham." In *Frank Swettenham and George Giles: Watercolours and Sketches of Malaya 1880-1894*. Kuala Lumpur: The British-Malaysia Society, 1988.
- Butcher, John G. *The British in Malaya, 1880-1941: The Social History of a European Community in Colonial South-East Asia*, Kuala Lumpur and New York: Oxford University Press, 1979.
- Early Views of Penang and Malacca 1660-1880*. Penang: Lembaga Muzium Pulau Pinang, 2002.
- Keat, Lim Chong. "The Swettenham-Giles Collection." In *Frank Swettenham and George Giles: Watercolours and Sketches of Malaya 1880-1894*. Kuala Lumpur: The British-Malaysia Society, 1988.
- Keat, Lim Chong, and Henry Barlow. *Frank Swettenham and George Giles: Watercolour and Sketches*, Kuala Lumpur: The Malaysian-British Society, 1988.
- Lim, Chong Keat. *Penang Views 1770-1860*. Penang: Penang Museum, Summer Times Publishing, 1986.
- McAlpin, S. *The Landscape Palimpsest: Reading Early 19th Century British Representations of Malaya*, Melbourne: Monash Asia Institute, 1997.
- Roff, William R. *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.
- Said, Edward W. *Orientalism*, New York: Vintage Books, 1994.
- Swettenham, Frank. *Footprints in Malaya*, London, NY dan Melbourne: Hutchinson & Co., 1942.
- _____. *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London: G. Allen and Unwin, 1948.

³⁸ Butcher, 225.